

## GARIS PANDUAN LESEN TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN

---

1. Pemegang lesen hendaklah menyelenggara tempat letak kereta persendirian dalam keadaan bersih pada setiapmasa.
2. Pemegang lesen hendaklah menyediakan tong sampah yang mencukupi di tempat letak kereta persendirian.
3. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang mencukupi untuk memastikan bahawa tiada kenderaan diletakkan mengikut apa-apa cara yang boleh menghalang pergerakan lalu lintas yang bebas di dalam atau di sekitar tempat letak kereta persendirian.
4.
  - a) Pemegang lesen hendaklah mematuhi segala arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa dan pihak polis untuk memastikan bahawa perlindungan keselamatan yang mencukupi disediakan.
  - b) Bagi tempat letak kereta yang tertutup, pemegang lesen hendaklah memasang sistem kamera litar tertutup dan berfungsi dengan baik pada setiap masa.
5. Tempat letak kereta persendirian yang tertutup perlu mempunyai sistem pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi.
6. Hendaklah menyediakan alat mencegah kebakaran yang mencukupi.
7. Menyediakan kotak ‘First Aid’ yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.
8. Pemegang lesen hendaklah mematuhi kadar caj yang telah ditetapkan iaitu :
  - a) RM 3.00 ( Ringgit Malaysia Tiga Sahaja ) untuk sekali masuk atau tidak lebih ;
  - b) RM 2.00 ( Ringgit Malaysia Dua Sahaja ) untuk 1 jam pertama dan tambahan ; dan
  - c) RM 1.00 ( Ringgit Malaysia Satu Sahaja ) bagi setiap jam yang berikutnya.
9. Memaklumkan kepada pihak MPKj sekiranya telah berpindah / bertukar hakmilik / tidak lagi menjalankan perniagaan.
10. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa MPKj dari semasa ke semasa.
11. Tidak dibenarkan membina sebarang struktur tambahan bangunan sama ada di dalam atau luar premis perniagaan tanpa mendapat kelulusan daripada pihak Majlis.
12. Lesen perniagaan hendaklah dipamerkan ditempat yang mudah dilihat.
13. Perlu menyediakan papan tanda tunjuk arah pada laluan keluar dan masuk.